

MEMO

Tarikh : Rabu, 18/11/2020

Daripada : **Vimala Muniandy**
Sekretariat #MyMudah
Bahagian Pembangunan Produktiviti dan Daya Saing (PCD)

Kepada : **YBhg. Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman**
Ketua Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Perkara : **PERMOHONAN KELULUSAN BAGI PERMOHONAN RO
UNTUK PAKAR TEKNIKAL BAGI PROGRAM
Malaysiamudah (#MyMudah) – SEKTOR PELANCONGAN**

YBhg. Dato',

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara diatas.

2. Untuk makluman YBhg. Dato', Sekretariat #MyMudah dengan kerjasama *Tourism Productivity Nexus* (TPN) akan menganjurkan Virtual RTD #MyMudah bersama dengan Wakil daripada Persatuan/Syarikat di kalangan industri pelancongan. Tujuan utama sesi RTD ini adalah untuk berkongsi mengenai inisiatif #MyMudah dan juga mendapatkan maklumbalas mengenai isu-isu bebanan peraturan yang sedang dihadapi oleh industri pelancongan.
3. Sesi RTD ini akan diadakan sebanyak 20 kali yang akan bermula dari 18 November 2020 sehingga Disember 2020 dan akan dikendalikan oleh Pakar Teknikal iaitu En. Uzaidi Udanis, *Champion* TPN. Pembayaran kepada Pakar teknikal di dalam melaksanakan sesi RTD ini adalah berdasarkan kepada bilangan peserta yang berjaya dijemput dan hadir di mana setiap kehadiran akan dibayar sebanyak RM100, tertakluk kepada jumlah maksimum peserta 10 orang atau bersamaan dengan RM1,000.
4. Sehubungan ini, mohon untuk mendapatkan kelulusan YBhg. Dato' bagi permohonan RO dengan kadar bayaran RM100 bagi setiap peserta.

Sokongan dan kelulusan daripada YBhg. Dato' dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Disediakan Oleh:



.....
Vimala Muniandy
Penolong Pengurus
Bahagian PCD
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

18 1 1 2 0

Diluluskan Oleh:



.....
Dato' Abdul Latif Haji Abu Seman
Ketua Pengarah
MPC

18 1 1 2 0

Disokong Oleh:



.....
Wan Fazlin Nadia Wan Osman
Pengarah
Bahagian PCD
MPC

18 1 1 2 0